

## **MTSB siasat kes nahas jalan raya**

---

KAJANG: Kementerian Pengangkutan bakal menubuhkan Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia (MTSB) pada tahun depan yang akan bertanggungjawab menyiasat kes kemalangan jalanraya di negara ini. Menteriya ,Anthony Loke Siew Fook berkata, Kementerian kini menyiapkan draf akta bagi penubuhan lembaga itu dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada suku pertama tahun hadapan. Katanya, penubuhan MTSB disyorkan Panel Kaji semula Syor (RRP), sebuah panel bebas diwujudkan Kementerian yang mencadangkan keperluan untuk menubuhkan agensi khas bagi menyiasat kemalangan jalanraya di seluruh negara.

“Draf akta itu sedang dirangka dan diperincikan oleh Pejabat Peguam Negara. Kami berharap ia akan dapat dibentangkan di Parlimen pada Mac tahun depan dan diluluskan untuk membolehkan MTSB di tubuhkan. “ Soal operasi, peranan dan kuasa lembaga itu akan diketahui apabila draf akta berkenaan selesai dirangka dan dibentangkan di Parlimen.” Kami mengambil modul dari Australia dan Amerika Syarikat bagi mewujudkan MTSB,” katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyerahan Laporan Status Pelaksanaan 51 Syor Penambahbaikan Panel Penasihat Bebas (PPB) di Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) di sini, semalam.

PPB adalah panel pemantau status pelaksanaan 51 syor penambahbaikan perkhidmatan bas bagi kes kemalangan membabitkan bas dikilometer 3.6 Jalan Genting Highlands – Kuala Lumpur pada 2013.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 26 | 20 NOVEMBER 2018**